

04 FEB 2003

Mahathir-persekitaran (bergambar)

PERDANA MENTERI MAHU WARGA KOTA JAGA PERSEKITARAN

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan seluruh penduduk bandar raya menjaga persekitaran dan kediaman mereka dengan baik supaya mereka dapat hidup dengan selesa.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu mengambil berat tentang penjagaan alam sekeliling, terutamanya taman rekreasi dan tempat riadah yang disediakan.

"Kita harap warga kota akan menjaga dengan baik taman-taman ini kerana ia memerlukan satu kos yang tinggi bagi mengadakannya," katanya semasa berucap pada Majlis Jamuan Teh dan Senandung Budaya sempena ulang tahun ke-29 Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Taman Tasik Titiwangsa hari ini.

Dr Mahathir berkata sekiranya tapak kawasan taman rekreasi dan riadah berkenaan diberikan kepada pemaju, mereka sudah pasti mendapat keuntungan besar hasil pembinaan rumah, tetapi mereka tidak akan menyediakan taman untuk rekreasi.

Beliau berkata Kuala Lumpur, yang merupakan sebuah bandar raya pesat membangun dan mempunyai jumlah penduduk yang semakin meningkat, kini menghadapi masalah untuk menyediakan perumahan kepada semua penduduknya.

Katanya kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar untuk pembinaan rumah yang mencukupi bagi memastikan warga kota dapat hidup dengan sempurna.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata adalah tidak bermakna mempunyai bangunan yang cantik jika ia tidak dijaga dengan baik sehingga menjadi seperti kawasan setinggan.

"Kita harus terima hakikat bahawa tinggal di bandar ada kos tertentu yang kita harus biayai," katanya.

Dr Mahathir berharap penduduk Kuala Lumpur akan terus memelihara persekitaran mereka dan menikmatinya kerana jika tidak, mereka saendiri akan menjadi mangsa kehidupan yang tidak selesa.

Turut hadir pada majlis jamuan teh itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, para diplomat asing serta para pemimpin parti politik, termasuk dari parti pembangkang.

Hari Wilayah Persekutuan tahun ini disambut hari ini memandangkan 1 Feb lepas merupakan Tahun Baru Cina.

-- BERNAMA

HS AZH MAI